



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN DAN PERBANKAN ISLAM

KOD KURSUS : DPI 2143

PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Gori menawarkan untuk menjual "seratus tan minyak" kepada Rilla
 - A. Tiada tawaran yang sah berlaku di dalam situasi ini kerana tawaran tidak jelas.
 - B. Tiada tawaran yang sah berlaku di dalam situasi ini kerana tawaran tidak dikomunikasikan.
 - C. Wujud tawaran yang sah berlaku di dalam situasi ini kerana tawaran jelas.
 - D. Wujud tawaran yang sah berlaku di dalam situasi ini kerana tawaran telah dikomunikasikan

2. Seksyen di dalam Akta Kontrak 1950 yang menyatakan definisi sebuah kontrak adalah
 - A. Seksyen 2 (a)
 - B. Seksyen 2 (b)
 - C. Seksyen 2 (g)
 - D. Seksyen 2 (h)

3. Apakah tawaran yang ditawarkan di dalam kes *Carlill v Carbolic Smoke Ball Co*?
 - A. Ubat yang menahan sakit
 - B. Tawaran untuk Puan Carlill untuk menggunakan ubat
 - C. Sejumlah wang untuk sesiapa yang masih sakit selepas menggunakan produk
 - D. Ubat baru akan diberikan jika ubat yang digunakan tidak berfungsi

4.

Mahkamah memutuskan bahawa tindakan mempamerkan ubat-ubatan adalah suatu pelawaan untuk tawaran,

Kes yang relevan untuk membincangkan prinsip undang-undang di atas adalah:

- A. *Carlill v Carbolic Smoke Ball Co.*
- B. *Harris v Nickerson*
- C. *Pharmaceutical Society of Gt Britain v Boots*
- D. *Hyde v Wrench*

5. Rozila menyelamatkan Wani dari digigit anjing. Wani kemudiannya berjanji akan memberikan RM2 sebagai ganjaran. Ini merupakan
- A. Balasan Eksekutori
 - B. Balasan tersempurna
 - C. Balasan Lampau
 - D. Balasan kini
6. Seksyen yang relevan di dalam Akta Kontrak 1950 yang menyatakan tentang elemen Niat
- A. Seksyen 10(1)
 - B. Seksyen 11
 - C. Seksyen 12
 - D. Tiada Seksyen
7. Kes yang membuktikan bahawa perjanjian yang berbentuk sosial, domestik dan kekeluargaan tidak boleh menjadi kontrak yang sah adalah:
- A. *Balfour v Balfour*
 - B. *Low Kar Yit v Mohd Isa*
 - C. *Merrit v Merrit*
 - D. *Leha bt Jusoh v Teh Boon Keat*

8. Secara umumnya, kesan kontrak yang dimasuki oleh minor adalah
- A. Kontrak sah
 - B. Kontrak Batal
 - C. Kontrak Boleh Batal
 - D. Kontrak perlu didaftarkan.
9. Sesuatu perjanjian adalah batal sekiranya
- A. Satu pihak telah khilaf mengenai perjanjian tersebut
 - B. Kedua-dua pihak telah khilaf mengenai perjanjian tersebut
 - C. Satu pihak telah mempengaruhi secara salah ke atas pihak yang satu lagi
 - D. Satu pihak telah melakukan frod atau tipuan
10. Ahmad membuat kontrak untuk menjual keretanya dengan harga RM3000 kepada Ali. Selepas kontrak ditandatangani, Ali telah diistiharkan muflis. Kontrak antara Ahmad dan Ali dilepaskan melalui
- A. Pelepasan menerusi persetujuan pihak-pihak berkontrak
 - B. Pelepasan dengan pelaksanaan
 - C. Pelepasan melalui kemungkiran kontrak
 - D. Pelepasan disebabkan kekecewaan

11. Bagi kes-kes yang mana pembayaran ganti rugi tidak memadai, undang-undang menyediakan remedi berikut
- A. Pelaksanaan Spesifik
 - B. Quantum Meruit
 - C. Gantirugi
 - D. Pelaksanaan tidak spesifik
12. Dalam konteks perundangan Islam, perkataan kontrak adalah merujuk kepada
- A. *Aqad*
 - B. *Khiyar*
 - C. *Khilabah*
 - D. *Ikrah*
13. Contoh-contoh *Khilaf* atau *Ghalat* dalam perundangan Islam adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Zaihan telah membeli garam yang disangkanya sekilo tetapi yang sebenarnya 500 gram
 - B. Halim membeli MP3 yang disangkanya berkualiti tetapi yang sebenarnya tidak
 - C. Azhan menyewakan rumah sewanya kepada Firdaus dengan harga sewaan rumah sewanya yang lain
 - D. Sha memaksa Aida untuk membeli koleksi permainannya dengan menggunakan parang.
14. Yang berikut adalah terpakai di dalam senarai Jadual Pertama Akta Sewabeli 1967 **KECUALI**
- A. Motor
 - B. Kereta
 - C. Mesin Basuh
 - D. Debentur

15. Definisi perjanjian sewabeli dinyatakan dalam
- A. Seksyen 2 (h) Akta Sewabeli
 - B. Seksyen 2 (1) Akta Sewabeli
 - C. Seksyen 2 (n) Akta Sewabeli
 - D. Seksyen 2 (2) Akta Sewabeli
16. Apabila seseorang itu memasuki perjanjian sewabeli, pemilik mestilah melakukan perkara-perkara yang tersebut **KECUALI**
- A. Menyediakan perjanjian bertulis
 - B. Membayar wang deposit
 - C. Meminta penyewa menandatangani perjanjian yang telah diisi dengan sempurna
 - D. Menghantar salinan perjanjian kepada penyewa dan penjamin
17. Mana satukah yang berikut kenyataan yang **BENAR** berkaitan perjanjian sewabeli?
- A. Perjanjian sewabeli mesti dibuat secara bertulis
 - B. Perjanjian sewabeli boleh dibuat secara lisan atau bertulis atau kedua-duanya sekali
 - C. Lebih daripada satu barang boleh dimasukkan dalam perjanjian sewabeli
 - D. Sebarang perubahan pada perjanjian boleh dibuat tanpa persetujuan penyewa
18. Siti mempunyai akaun di bank Kiko. Dia telah mengeluarkan cek kepada Sata yang telah menunaikannya di Bank Kok. Bank Kiko adalah
- A. Bank pembayar
 - B. Bank konvesional
 - C. Bank pemungut
 - D. Bank credit

19. Berikut adalah ciri-ciri bil pertukaran **KECUALI**

- A. Satu arahan bersyarat secara bertulis
- B. Dibayar dalam tempoh tertentu atau pada satu masa hadapan
- C. Pada satu jumlah yang tetap
- D. Dialamatkan kepada seseorang yang tertentu

20. Apakah tujuan pemalangan cek?

- A. Supaya drawer boleh menukarkannya ke dalam bentuk wang dengan mudah melalui kaunter bank
- B. Supaya drawer boleh mengemukakan cek untuk membuat bayaran kepada orang tertentu (payee)
- C. Supaya menyukarkan orang yang tidak mempunyai kuasa ke atas cek tersebut daripada menukarkannya ke dalam bentuk wang melalui kaunter bank
- D. Supaya cek tersebut tidak boleh dipindahmilik

21. Berikut adalah keadaan yang membenarkan jurubank membuat pendedahan ke atas maklumat rahsia pelanggan **KECUALI**

- A. Perintah garnisi daripada institusi berlesen
- B. Pelanggan yang diisytiharkan bankrap
- C. Pelanggan atau wakil telah memberikan kebenarannya kepada bank
- D. Pegawai bank yang pernah mengakses maklumat pelanggannya

22. Seksyen 7(a) Akta Kontrak menyatakan bahawa suatu penerimaan mestilah mutlak dan tidak bersyarat. Manakah antara situasi berikut yang menunjukkan keadaan tersebut?

- A. Bakri menawarkan kudanya kepada Adam dengan harga RM10,000. Adam bersetuju dengan syarat kuda tersebut mesti diberikan imunisasi terlebih dahulu
- B. Sarah menawarkan rumahnya kepada Izi dengan harga RM150,000. Izi bersetuju untuk membeli rumah tersebut dengan harga RM135,000
- C. Samad menawarkan kucingnya yang memenangi tempat ketiga dalam pertandingan kucing tercantik pada tahun 2010 kepada Bakar dengan harga

RM1,000. Bakar bersetuju sekiranya kucing tersebut memenangi tempat pertama dalam pertandingan serupa pada tahun 2011

D. Azim menawarkan rumahnya kepada Irfan dengan harga RM250,000. Irfan bersetuju dengan harga tersebut dan harapannya agar rumah tersebut membawa tuah dan boleh didiami sehingga akhir hayatnya

23. Yang mana satukah **BUKAN** remedi di dalam kontrak?

- A. Ratifikasi
- B. Injunksi
- C. Quantum Meruit
- D. Pelaksanaan Spesifik

24. Rukun yang perlu dipatuhi dalam prinsip Al Mudharabah

- I. Tuan punya modal
- II. Pengusaha
- III. Modal
- IV. sighthah ijab dan qabul

- A. I dan ii
- B. I dan iii
- C. I, ii dan iv
- D. Semua di atas

25. Siapakah di antara orang-orang di bawah berkeupayaan untuk membuat kontrak?

- A. Ah Chong, yang sedang mabuk
- B. Azhar yang berusia 16 tahun
- C. Ahmad yang berusia 27 tahun
- D. Kamal, yang berusia 30 tahun dan diisytiharkan mufliis

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berdasarkan Seksyen 26 Akta Kontrak 1950, perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal.

Bincangkan pernyataan di atas dan pengecualiannya . (25 markah)

SOALAN 2

(a) Amzaidin bersetuju untuk menjual rumah banglonya kepada Fakrul. Tiga hari kemudian, rumah banglo itu telah musnah kerana kejadian tanah runtuh selepas hujan yang lebat. Nasihatkan Amzaidin dan Fakrul tentang hak-hak mereka berdasarkan undang-undang kontrak. (20 markah)

(b) Nyatakan LIMA (5) remedi bagi kemungkiran kontrak. (5 markah)

SOALAN 3

Jasonkuk mahu membeli sebuah kereta daripada Bakhil Finance secara sewabeli. Beliau tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang prosedur perjanjian sewabeli di Malaysia. Nasihatkan Jasonkuk. (25 markah)

SOALAN 4

Fiza baru sahaja membuka akaun di bank Huloo selepas beliau diterima berkerja di sebuah syarikat keselamatan. Seorang pekerja di bank Huloo menasihatkan Fiza supaya membuat pemalangan cek tetapi pekerja tersebut tidak menerangkan dengan lebih lanjut tentang pemalangan cek tersebut. Nasihatkan Fiza. (25 markah)

SOALAN 5

Huraikan cara-cara penamatan hubungan bank dan pelanggan serta kesan-kesannya.

(25 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

